

01 AUG 2000

Musa-Sekolah

SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA/TAMIL TAK PERLU BIMBANG HILANG IDENTITI

GENTING HIGHLANDS, 1 Ogos (Bernama) -- Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Cina dan Tamil tidak perlu bimbang mereka akan kehilangan identiti apabila konsep sekolah wawasan diperkenalkan, kata Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad hari ini.

Beliau berkata konsep sekolah wawasan telah berjaya dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Lurah Bilut tanpa SRJK Cina dan Tamil mengalami sebarang masalah kehilangan identiti.

"Kebimbangan SRJK Cina dan Tamil ini tidak perlu kerana kita (Kementerian) telah pun mempraktikkannya sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum antara Telekom Smart School (TSS) Sdn Bhd dan Institut Aminuddin Baki (IAB) di sini, hari ini.

SRJK Cina dan Tamil Lurah Bilut serta sekolah kebangsaan telah lama berkongsi kemudahan seperti padang permainan dan kantin, lama sebelum Kabinet mengambil keputusan untuk membina sekolah-sekolah wawasan, katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat agung Barisan Nasional (BN) pada 25 Julai berkata, kesemua 14 parti komponen BN bersetuju dan menyokong pengwujudan sekolah wawasan bagi memperkukuhkan hubungan rakyat berbilang kaum bermula di peringkat bangku sekolah.

Mengenai sekolah bestari, Musa berkata pelaksanaan sepenuhnya projek itu adalah pada tahun 2002 dengan 90 sekolah di seluruh negara menjadi perintisnya.

Beliau berkata menjelang akhir tahun depan, Kementerian akan menyediakan 2000 makmal komputer di sekolah-sekolah seluruh negara dengan tumpuan pada sekolah di luar bandar.

Makmal komputer di sekolah-sekolah yang kecil katanya, akan dilengkapi 10 komputer, sekolah sederhana 20 komputer dan sekolah besar dilengkapi dua makmal berserta 40 komputer.

Memorandum yang ditandatangani pada majlis itu akan menjadikan IAB sebagai rakan pembekal maklumat kepada TSS dalam bidang latihan, penyelidikan, penerbitan, rujukan dan perkhidmatan masyarakat.

Pengerusi Telekom Berhad Datuk Ir Mohamad Radzi Mansor yang juga pengerusi TSS dan pengarah IAB Dr Abdul Rahim Selamat menandatangani memorandum itu bagi pihak masing-masing.

Sebelum itu, Musa merasmikan Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-9 yang bertema "Kepengetuaan Pada Abad ke-21: Cabaran, Nilai dan Harapan" di tempat yang sama.

-- BERNAMA

MHI ZS PR